



BULETIN UNIT

INTEGRITI

JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

Edisi Jan-Ogos 2016

Memartabatkan **INTEGRITI** *Sebagai Budaya dalam* JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA



LAWATAN MENGEJUT KE
BALAI BOMBA DAN
PENYELAMAT JELATEK



MESYUARAT JAWATANKUSA
INTEGRITI DAN TADBIR URUS
(JITU)



Bengkel Corruption Risk Management

Mesyuarat Jawatankuasa
Pelaksana Pelan Integriti Bomba

CEPAT DAN MESRA



KANDUNGAN

Buletin Unit Integriti



01 Sekalung Bicara

03 Lawatan Mengejut ke Balai Bomba dan Penyelamat Jelatek



04 Mesyuarat Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU)

05 Bengkel Corruption Risk Management

06 Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana Pelan Integriti Bomba

07 Forum Pemerkasaan Integriti Zon Borneo



08 Forum Pemerkasaan Integriti Zon Utara

09-10 Rencana /Artikel

11 Sorotan Detik-Detik Forum Pemerkasaan Integriti 2015



Sidang Editorial

PENASIHAT

PPjB Norizan Bin Haji Sulaiman
Ketua Unit Integriti

EDITOR

PgKB II Aswadi Bin Haji Ismail

PENYUMBANG BERITA

Seksyen TUP
Seksyen PPT
Seksyen PIPA

PROOF READER

Puan Intan Norizan Binti Yahaya

JURUGAMBAR

Seksyen TUP
Seksyen PPT
Seksyen PIPA

PENERBIT

Unit Integriti
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

Tinta

Ketua Editor

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Syukur Alhamdulillah kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya Buletin Unit Integriti (UIN), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia edisi 1 tahun 2016 ini dapat dihasilkan. Penerbitan Buletin Unit Integriti ini merupakan yang pertama dalam sejarah 5 tahun penubuhan UIN. Ia merupakan manifestasi kepada kesungguhan dan ketekunan warga kerja UIN dalam merealisasikan hasrat untuk meninggikan imej UIN sekaligus menjana perubahan positif ke arah meningkatkan lagi kualiti perkhidmatan kepada pelanggan. penceritaan tentang kejayaan dan pencapaian UIN haruslah dilihat dari sudut peningkatan motivasi dan pemupukan nilai cintakan UIN di kalangan warga kerja, banyak kejayaan berputik daripada semangat kerja berpasukan dan inovasi warganya. Pemaktuban warkah berupa buletin rasmi ini diharapkan dapat merakamkan dalam lipatan sejarah aktiviti-aktiviti penting UIN sepanjang sesi 2016 selain dari menjadi wadah penyampaian maklumat untuk sebaran dalaman dan luaran. Artikel berbentuk ilmiah turut dimuatkan dalam buletin ini dengan harapan ia dapat mencambah serta menjana potensi dan kompetensi di kalangan warga UIN dalam melaksanakan amanah yang telah diberi.

Sekian, terima kasih.

*PPjB Norizan Bin Haji Sulaiman
Ketua Editor*



MENJENTIK MINDA

“ Tiada tali yang paling erat selain tali silaturrahim,
Tiada pintu yang paling kukuh selain pintu hati,
Tiada hutang yang paling berat selain hutang budi,
Tiada pemberian yang paling berharga selain memberi maaf... “

Sekalung Bicara

Ketua Unit Integriti

PPjB Norizan Bin Haji Sulaiman

Ketua Editor



Syukur Alhamdulilah diatas kurniaan ilahi kerana kejayaan Unit Integriti berjaya menyiapkan Buletin Integriti Edisi 2 Tahun 2016.

Buletin yang dihasilkan ini adalah untuk paparan kepada warga Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia berhubung aktiviti yang telah dijalankan oleh warga Unit Integriti sepanjang tahun 2016.

Sepanjang tahun 2016 Unit Integriti telah melaksanakan pelbagai aktiviti daripada pelbagai peringkat jabatan dengan kaedah didik, tunjuk dan runding (DTR) bagi memastikan semua pegawai jabatan dapat menyelami erti integriti dalam perkhidmatan.

Integriti sebenarnya berasal dari istilah bahasa Inggeris yang membawa erti keutuhan dari semua segi yang baik. Dalam bahasa Melayu, ia biasanya menjurus kearah perwatakan seseorang. Maksud integriti mengikut Kamus Dwibahasa DBP, 1985, ialah kejujuran dan ketulusan; kesempurnaan; keutuhan.

“ **Maksud integriti mengikut Kamus Dwibahasa DBP, 1985, ialah kejujuran dan ketulusan; kesempurnaan; keutuhan , ,**

atas, integriti adalah sifat jati diri yang merangkumi juga keikhlasan, keterbukaan, ketulusan, amanah, benar, berpegang kepada prinsip, tidak mudah dipengaruhi, boleh dipercayai, boleh pegang cakapnya.

Sehubungan dengan itu Unit Integriti telah mengambil langkah proaktif berhubung perkara ini dengan memperkenalkan Sistem Kawalan Akauntabiliti dan Integriti (SKAI) berdasarkan kepada Perintah Tetap Ketua Pengarah Bil 1 Tahun 2016.

Tujuan pelaksanaan SKAI ini adalah untuk mewujudkan kawalan terhadap akauntabiliti dan integriti seseorang pegawai awam dengan hasrat untuk memperkasakan integriti di segenap lapisan warga kerja dalam Jabatan. SKAI diwujudkan dibawah puncakuasa yang diperuntukkan oleh Peraturan 3C (2) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 yang memberikan tanggungjawab pengawalan tatakelakuan kepada seseorang penyelia.





Lawatan Mengejut Ke Balai Bomba dan Penyelamat Jelatek

Pada 12 Januari 2016 jam 2.00 petang Unit Integriti telah membuat lawatan mengejut ke Balai Bomba dan Penyelamat Jelatek, Kuala Lumpur.

Pasukan yang bertugas adalah Pasukan A dengan kekuatan anggota seramai 12 orang termasuk pegawai bertugas di pejabat. Bermula dengan "test call", panggilan baris serta pemeriksaan

ketrampilan pegawai, pemeriksaan persekitaran balai dan ruang pejabat, dan mengadakan latihan penggunaan peralatan serta latihan menegakkan tangga.

Lawatan diakhiri dengan taklimat ringkas berkaitan integriti serta isu-isu semasa Jabatan yang disampaikan oleh Ketua Unit Integriti.





MESYUARAT JAWATANKUASA INTEGRITI DAN TADBIR URUS (JITU) BIL. 1/2016

Mesyuarat Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus Bil 1 tahun 2016 di Bilik Mesyuarat Tanjung, IP JBPM Putrajaya.

Ini merupakan kesinambungan usaha Jabatan ke arah memantapkan lagi tadbir urus jabatan dalam memperkasakan integriti.

Mesyuarat tersebut telah dipengerusikan oleh YAS Datuk Wira Hj Wan Mohd Nor bin Hj Ibrahim, Ketua Pengarah JBPM. Turut hadir YAS Dato Hj Soiman bin Jahid, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) serta YAS Dato' Hj

Amer bin Hj Yusof Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) serta Penolong-Penolong Ketua Pengarah Bahagian.

Mesyuarat membincangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan tadbir urus Jabatan serta permasalahan yang wujud di peringkat Ibu Pejabat dan juga

peringkat Negeri. Di samping itu, terdapat juga isu yang dibangkitkan dalam mesyuarat ini akan dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Kerja bagi Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.





BENGKEL CORRUPTION RISK MANAGEMENT (CRM)

Unit Integriti, JBPM Putrajaya telah terlibat di dalam Bengkel Corruption Risk Management (CRM) yang telah diadakan pada 17 dan 18 Februari 2016 di Institut Latihan Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Bengkel tersebut diadakan bagi menyediakan Pelan Pengurusan Risiko Rasuah untuk Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

YM Raja Khan bin Hj Raja Ahmad Pegawai SPRM merupakan penceramah merangkap pengendali bengkel tersebut. Beliau telah dibantu oleh Tn Hj Ahmad Ariff Bin Mahidin. Seramai 2 orang pegawai yang terlibat di dalam bengkel tersebut iaitu PgKB I Ismail bin Yasin dan PgKB II Abdul Malik bin Zainuddin.



17 dan 18 Februari 2016
**Institut Latihan Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan.**



MESYUARAT JAWATANKUASA PELAKSANA PELAN INTEGRITI BOMBA BIL. 1/2016

Dalam merealisasikan hasrat Pengurusan Tertinggi untuk menjadikan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia sebagai Organisasi Berprestasi Tinggi, Pelan Integriti Bomba (2016-2018) telah dilancarkan pada 19 Januari 2016 sempena Majlis Perbarisan Tahunan.

Sehubungan itu, satu Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana Pelan Integriti Bomba Bil.1/2016 telah bersidang pada 16 Mac 2016. Matlamat utama mesyuarat tersebut adalah untuk memberi penerangan terhadap perancangan yang akan dilakukan sepanjang tempoh 3 tahun dalam memperkasakan Integriti di dalam Jabatan ke arah mencapai Organisasi Berprestasi Tinggi.



Mesyuarat tersebut telah dipengerusikan oleh YAS Dato' Hj Amer bin Hj Yusof, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) dan dihadiri oleh Penolong Ketua Pengarah Bahagian serta wakil Bahagian. Mesyuarat turut membincangkan peranan semua Bahagian dalam melaksanakan program dan aktiviti bagi mencapai objektif dan matlamat yang telah ditetapkan.

FORUM PEMERKASAAN INTEGRITI ZON BORNEO LABUAN



WP Labuan, 31 Mac 2016 – Forum Pemerksaan Integriti yang berlangsung di Dewan Ballroom, Tiara Labuan Hotel di sini berjaya menarik minat penjawat awam sekitar Labuan untuk turut sama menghayati erti integriti.

Forum yang bermula jam 9.00 pagi itu merupakan program yang pertama bagi tahun 2016. Forum tersebut dianjurkan dengan kerjasama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Institut Integriti Malaysia (IIM).

Menampilkkan tiga ahli panel yang berbeza latar belakang iaitu Prof. Dr. Murnizam Hj Halik daripada Univeriti Malaysia Sabah (Kampus Antarabangsa Labuan), Tuan Haji Paimuzi Yahya, Pengarah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan dan Tuan Haji Abdul Samat Kasah, Timbalan Pengarah Bahagian Pendidikan Masyarakat (PENMAS) SPM, manakala Tuan Haji Hamilye Sham bin Harun, Pengarah dan Ketua Penyelaras, Koordinasi dan Pemantauan IIM bertindak sebagai moderator.

Prof. Dr. Murnizam menegaskan bahawa, “seseorang yang mengamalkan nilai integriti akan dihormati bukan kerana pangkat akan tetapi kerana adanya integriti, disegani, dipercayai, memperolehi hubungan di dalam sebuah

organisasi yang baik, hidup lebih aman, sejahtera dan tiada tekanan serta mendapat rezeki yang berkat.”

Menurut Tuan Haji Abdul Samat Kasah, “rasuah tidak boleh dihapuskan tetapi ianya boleh dibendung dari terus menular. Ianya boleh dilakukan dengan kita memulakan perubahan itu daripada terus menyalahkan kerajaan.”

Forum Pemerksaan Integriti Siri 1/2016 Peringkat Zon WP Labuan berakhir kira-kira jam 12.00 tengahari diikuti dengan Bacaan Ikrar Integriti oleh para peserta.

Forum ini membicarakan tiga tajuk iaitu

“Peranan Penjawat Awam Dalam Memperkasakan Integriti”,

“Penghayatan Integriti : Satu Perspektif Islam” dan “Penguatkuasaan &

Pencegahan Rasuah Di Malaysia - Isu : Cabaran & Halangan.”





TAKLIMAT

SKAI

(SISTEM KAWALAN AKAUNTABILITI DAN INTEGRITI)

Unit Integriti telah mengadakan Taklimat Sistem Kawalan Akauntabiliti dan Integriti (SKAI) pada 21 Jun 2016 bertempat di Dewan Sutera, JBPM Putrajaya. Taklimat ini telah disampaikan oleh Ketua Unit Integriti, PPjB Norizan bin Hj. Sulaiman.

SKAI adalah satu dimensi baru bertujuan untuk mewujudkan kawalan terhadap akauntabiliti dan integriti seseorang pegawai awam dengan hasrat untuk memperkasakan integriti di segenap lapisan warga kerja dalam Jabatan. SKAI diwujudkan dibawah punca kuasa

yang diperuntukkan oleh Peraturan 3C(2) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 yang memberikan tanggungjawab pengawalan tatakelakuan kepada seseorang penyelia.

SKAI merupakan satu sistem pencegahan yang perlu dilaksanakan oleh penyelia terhadap pegawai yang diselia supaya tidak terlibat dalam aktiviti yang tidak sihat dan bertentangan dengan peraturan.



BUDAYA ETIKA DAN INTEGRITI

MEMBENTUK BUDAYA KERJA YANG CEMERLANG

Untuk melangkah ke masa hadapan yang lebih cemerlang, negara kita harus bijak mengurus kejayaan, serta dengan tegas dan berkesan mengatasi pelbagai kelemahan dan kekurangannya. Cabaran besar yang perlu ditanganinya dalam usaha tersebut ialah pemantapan etika dan integriti.

Budaya etika dan integriti adalah selaras dengan cabaran keempat Wawasan 2020 iaitu untuk membentuk sebuah masyarakat yang kukuh ciri-ciri moral dan etikanya, dengan para warganya mempunyai nilai keagamaan dan kerohanian yang utuh, dan ditunjangi oleh budi pekerti yang luhur.

Etika:

Adalah himpunan nilai dan moral yang menjadi piawai bagi tingkah laku individu, organisasi dan profesi.

Integriti:

Secara umumnya ialah kualiti unggul yang wujud secara keseluruhan dan padu pada individu dan organisasi. Integriti berkaitan erat dengan etika. Ia adalah berlandaskan etika dalam tindakan sehari-hari.

Budaya kerja Merujuk kepada nilai, kepercayaan dan sikap nilai, kepercayaan dan sikap pekerja terhadap pekerjaan. Integriti Bukan Isu Rasuah sahaja. Integriti bukan hanya terfokus kepada isu-isu rasuah sahaja, malah ia merupakan satu konsep yang lebih besar. Amalan budaya kerja juga

menuntut integriti. Integriti dalam ketepatan waktu, integriti dalam menyampaikan maklumat, integriti dalam memberi perkhidmatan terbaik, integriti dalam berhubung dengan ketua jabatan, rakan sekerja dan juga kakitangan sokongan.

Budaya Kerja Dalam Organisasi Budaya etika dan integriti ini adalah amat penting dalam mana-mana organisasi kerana ia memastikan perlaksanaan apa jua program serta matlamat dicapai dengan baik serta beretika. Antara objektifnya:

1. Memberikan hala tuju dan bimbingan pelbagai sektor supaya mereka dapat bekerjasama dalam usaha besar membina masyarakat yang bersatu padu, berharmoni, berintegriti, bermoral dan beretika;
2. Meningkatkan kesedaran, komitmen dan kerjasama pelbagai sektor dalam usaha peningkatan integriti supaya ia menjadi budaya masyarakat dan diamalkan dalam semua bidang.
3. Menggalakkan semangat bertanggungjawab di kalangan anggota masyarakat serta mendorong perkembangan masyarakat sivil yang menjunjung prinsip integriti dan bergerak cergas menegakkan integriti;
4. Menyumbang kepada usaha pengukuhan asas moral masyarakat dan negara, dan peningkatan kesejahteraan hidup anggota masyarakat; dan
5. Meningkatkan daya saing dan daya tahan Malaysia dalam usaha menangani cabaran abad ke-21 khususnya cabaran globalisasi dengan lebih berkesan.



Budaya Kerja Berkualiti

Bagi membentuk budaya kerja yang berkualiti dalam organisasi, beberapa ciri harus diberi perhatian;

- i) Orientasi warga kerja haruslah bergerak di atas landasan yang betul sebagai prasyarat bagi menjayakan budaya kerja cemerlang iaitu mesti ada komitmen, mempunyai kesedaran kualiti, bersedia menerima perubahan dan tiada batasan masa untuk cemerlang.
- ii) Komitmen daripada segala lapisan warga kerja bagi meningkatkan kecemerlangan organisasi adalah dituntut.
- iii) Kerja yang hendak dilaksanakan perlu dilakukan dengan sepenuh hati atas kehendak organisasi dengan mengetepikan segala kepentingan lain khususnya kepentingan peribadi.
- iv) Sesebuah organisasi mewujudkan ‘mind-set’ yang berorientasikan kecemerlangan supaya warga kerja lebih komited kepada matlamat utama jabatan.
- v) Sentiasa menggalakkan warga kerja menghayati serta mempraktikkan amalan-amalan pengurusan yang boleh meningkatkan kecemerlangan organisasi.

Penutup

Budaya kerja yang unggul dan cemerlang menjadi asas kepada peningkatan dan kualiti produktiviti sesebuah organisasi. Pembentukan budaya kerja berkualiti hanya akan tercapai sekiranya warga organisasi mempraktikkan etika kerja dan sifat integriti yang menyeluruh dan positif.

Sumber : Institut Integriti Malaysia dan Pelan Integriti Nasional


KETERHUTANGAN KEWANGAN YANG SERIUS

Bagaimanakah yang dikatakan seseorang pegawai awam berada dalam keterhutangan kewangan yang serius?

Jumlah hutang yang tidak bercagar dan melebihi 10 kali emolumen bulanannya. Ini bermaksud baki gaji akhir adalah kurang daripada 40%. Oleh yang demikian pegawai awam hanya dibenarkan berhutang 60% daripada emolumen dan mempunyai baki gaji sekurang-kurangnya 40%.

ADAKAH ANDA TAHU?

PASTIKAN JUMLAH
POTONGAN GAJI ANDA
TIDAK MELEBIHI PARAS 60 %
DARIPADA EMOLUMEN
BULANAN ANDA



KETERHUTANGAN KEWANGAN YANG SERIUS
ADALAH SALAH SATU KESALAHAN TATATERTIB
PERATURAN 3C :
PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI AWAM
(KELAKUAN DAN TATATERTIB) 1993



Apakah peranan KETUA JABATAN jika didapati kakitangan bawahannya mengalami keterhutangan kewangan yang serius?

Ketua Jabatan perlu memantau dan memperingatkan kakitangan di bawah jagaannya supaya mematuhi surat-surat pekeliling dan peraturan-peraturan yang berkuat kuasa. Sekiranya kakitangan bawahannya masih tidak mematuhi surat-surat pekeliling dan berada dalam keterhutangan kewangan serius, Ketua Jabatan perlulah bertanya kepada pegawai bagaimanakah ia menyelenggara kehidupannya. Walaupun mempunyai keterhutangan kewangan yang serius, tetapi pegawai telah menunjukkan prestasi kerja yang baik serta tidak melanggar tatakelakuan perkhidmatan awam di bawah Peraturan 3C, maka tindakan tatatertib tidak perlu diambil. Ketua Jabatan perlulah memantau secara berterusan supaya tidak menjelaskan prestasi kerja dan tidak berlaku penyalahgunaan kuasa.

Sorotan Detik-Detik

Forum Pemerkasaan Integriti 2015

Forum Pemerkasaan
Integriti
Zon Borneo, Sabah



Forum Pemerkasaan
Integriti
Zon Selatan, Johor



Forum Pemerkasaan Integriti
Zon Utara, Pulau Pinang



Forum Pemerkasaan Integriti Zon Tengah, Selangor



Forum Pemerkasaan Integriti Zon Borneo, Sarawak



Forum Pemerkasaan Integriti Zon Timur, Kelantan





JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

Unit Integriti
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
Aras 2, Ibu Pejabat
Lebuh Wawasan, Presint 7, Putrajaya
62250 Putrajaya
Telefon : 03 - 8892 7600
Faks : 03 - 8888 0829
Laman Web : www.bomba.gov.my
E-mail : integriti.bomba@1govuc.gov.my